



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN  
MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**4 SEPTEMBER 2022**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• "Bot gentian kaca, tiga kru ditahan"</li></ul>
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Harakah	
Oriental News Daily	
The Borneo Post (KK)	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	4/9/2022	



**BOT gentian kaca bersama tiga kru nelayan yang ditahan APMM kelmarin.**

*KOSMO! 4/9/2022  
ms / 12*

## Bot gentian kaca, tiga kru ditahan

**KUALA KURAU** - Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kurau telah menahan sebuah bot gentian kaca bersama tiga kru nelayan tempatan di muara Kuala Kurau kelmarin kerana melanggar syarat sah lesen.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, kesemua mereka ditahan di kedudukan 10.4 batu nautika barat daya muara Kuala Kurau pada pukul 11.15 pagi kelmarin.

Beliau berkata, semasa rondaan rutin, pasukan bot peronda APMM telah mengesan sebuah bot gentian kaca dan anggotanya merapati bot tersebut untuk pemeriksaan.

"Hasil pemeriksaan menemui tiga kru nelayan tempatan termasuk tekong berada di atas bot terbabit berumur antara 27 hingga 49 tahun.

"Berdasarkan pemeriksaan ke atas dokumen, bot terbabit memiliki lesen yang sah, namun

tidak diusahakan sendiri oleh pemiliknya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selain itu, menurut Mohd. Najhan, dianggarkan sebanyak 200 kilogram ikan campur turut ditemui di atas bot semasa pemeriksaan.

Katanya, kesemua kru, bot, ikan campur dan peralatan menangkap ikan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau untuk tindakan lanjut untuk disiasat di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen.

"APMM menasihatkan kepada semua komuniti nelayan agar sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan demi kesejahteraan bersama," katanya.

Orang ramai boleh melaporkan kepada APMM berhubung sebarang salah laku jenayah dan kecemasan di laut di talian MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Kurau di talian **05-727 9919**.